



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG**

**Dokumen Sebutharga
No. Sebutharga : Bil PSUKPP 68/2012**

Tajuk :

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BEKALAN BUKU HARIAN RASMI
TAHUN 2013 DAN BUKU PANDUAN TELEFON 2013**

**Tarikh Tutup:
17 Julai 2012**

URUS SETIA

**BHG. KHIDMAT PENGURUSAN DAN KEWANGAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
PULAU PINANG,
PARAS 25, KOMTAR,
10503 PULAU PINANG.**

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempoh sah lakunya bagi menyertai sebutharga dalam bidang perkhidmatan di bawah kod bidang berikut :-

- 221601 - Mencetak Buku, Majalah, Laporan Akhbar
(Diwajibkan Lesen KDN) ; dan
221610 - Menjilid Kulit Keras

NO. SEBUTHARGA : Bil. PSUKPP 68/2012
TAJUK SEBUTHARGA : Membekal dan Menghantar Buku Harian Rasmi Tahun 2013 dan Buku Panduan Telefon Tahun 2013
TARIKH DIBUKA : 03 Julai 2012
TARIKH DITUTUP : 17 Julai 2012

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan e-Perolehan Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan e-Perolehan boleh mendapatkan borang sebutharga melalui laman web e-Perolehan.

3. Borang tawaran yang telah lengkap diisi beserta profail syarikat dengan maklumat pengalaman, penyata akaun bank terkini sehingga Mei 2012 dan salinan sijil Kementerian Kewangan dalam kod bidang 221003 dan 221011 hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga Bil. PSUKPP 68/2012 di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang pada atau sebelum **17 Julai 2012 jam 12:00 tengah hari**. Tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima tawaran sebutharga yang terendah atau mana-mana tawaran.

4. Bagi syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai sebutharga ini, pihak tuan **DIWAJIBKAN** menghadiri satu sesi taklimat yang akan diadakan pada **10 Julai 2012 jam 03:00 petang di Bilik Perbincangan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**. Syarikat-syarikat yang gagal hadir taklimat tersebut tidak akan dibenarkan untuk menyertai sebutharga ini.

LAMPIRAN B

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Penyebutharga diwajibkan untuk mengemukakan dokumen-dokumen berikut :-
 - 1.1 Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dan Sijil Pendaftaran Syarikat yang masih sah tempoh lakunya ;
 - 1.2 Salinan Pendaftaran Syarikat dengan ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ;
 - 1.3 Profail Syarikat yang menunjukkan pengalaman berkaitan dengan sebutharga Bil. PSUKPP68/2012, jumlah pekerja dan kepakaran ;
 - 1.4 Salinan Penyata Akaun Bank terkini bagi tiga (3) bulan berturut-turut (Mac, April, Mei 2012) ;
 - 1.5 Surat Akuan Pembida (**Lampiran G**) , Surat Akuan Pembida Berjaya (**Lampiran H**) hendaklah dilampirkan bersama-sama dengan Borang Tawaran Sebutharga (**Lampiran Q**) ;
 - 1.6 Penyebutharga dipohon untuk mengemukakan draf cetakan Buku Harian Rasmi dan Buku Panduan Telefon semasa penghantaran dokumen sebutharga ;
 - 1.7 Penyebutharga **DIWAJIBKAN** menghadiri satu sesi taklimat yang akan diadakan pada 10 Julai 2012 jam 3:00 petang di Bilik Perbincangan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

(SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA KEGAGALAN MENGEMUKAKAN DOKUMEN/PERKARA TERSEBUT SEPERTI DI ATAS BOLEH MENYEBABKAN TAWARAN SEBUTHARGA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN. DOKUMEN-DOKUMEN DIATAS JUGA PERLU DIBUKUKAN)

2. Tarikh penyerahan / penyempurnaan : Sebelum atau pada 10 Disember 2012
3. Arahan Pengiriman :

Tawaran sebutharga hendaklah dihantar dengan tangan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga Bil. PSUKPP 68/2012 di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum atau pada **17 Julai 2012** sebelum jam **12.00 tengahari**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima tawaran sebutharga yang terendah, tertinggi atau mana-mana tawaran.
4. Tempoh Sah Laku sebutharga hendaklah 90 hari (17 Oktober 2012) daripada tarikh tutup.

LAMPIRAN C

SPESIFIKASI :

BUKU HARIAN RASMI 2013

- 1 SAIZ : 6.5" x 8.5"
- 2 JUMLAH HELAIAN : 150 helaian
- 3 BAHAN KULIT : Bonded Leather
- 4 HALAMAN : 2 helai 128gsm art paper
148 helai 80gsm simili paper 2 warna
- 5 PERCETAKAN KULIT : Silver Hot Stamping
- 6 PERCETAKAN HALAMAN : 2 helai art paper & 2 warna kertas simili
- 7 JILID : O Ring (dawai)
- 8 KEMASAN : Berjahit pada kulit hadapan

BUKU PANDUAN TELEFON 2013

- 1 SAIZ : 4" x 5.7"
- 2 JUMLAH MUKA SURAT : 100 helai
- 3 HALAMAN : 70 gsm simili paper
- 4 HALAMAN KULIT : Kertas 260 gsm
- 5 PERCETAKAN KULIT : Dicitak dengan 4 warna Varnish
- 6 PERCETAKAN HALAMAN : 100 helai dicetak dengan 1 warna
- 7 JILID : Staple wire

Nota : Maklumat Nombor Telefon Jabatan /Agensi dibekalkan oleh Urus Setia